



Program UTC Ombudsman/DIALOG adalah saluran komunikasi sulit yang direka bagi membantu komunikasi yang lebih jelas dan difahami.

MAKLUMAT ASAS TENTANG PROGRAM OMBUDSMAN/DIALOG

- Ombudsman/DIALOG berfungsi sebagai perantara komunikasi antara anda dengan pihak pengurusan. Program ini berjaya dijalankan sejak 1986.
- Ombudsman/DIALOG adalah alternatif kepada saluran komunikasi tradisional, seperti penyelia, Sumber Manusia, atau Amalan Perniagaan.
- Ombudsman/DIALOG, selepas mengeluarkan maklumat yang dapat mengenal pasti anda, merujuk soalan atau kemusykilan anda kepada pihak pengurusan untuk mendapatkan respons.
- Respons diperoleh daripada pihak pengurusan.
- Program Ombudsman/DIALOG ini sulit (dengan melindungi identiti individu yang mengemukakan isu), neutral (tidak menyokong mana-mana pihak sama ada pihak pengurusan atau kakitangan), dan bebas (dengan beroperasi secara berasingan daripada pihak pengurusan).
- Ombudsman/DIALOG memproses sebarang soalan atau kemusykilan, kecuali sekiranya isu tersebut tertakluk pada perjanjian tawar-menawar kolektif atau dibatasi undang-undang.
- Para Ombudsman mengendalikan isu yang lebih rumit, termasuk isu berkaitan pematuhan perundangan. DIALOG digunakan khusus untuk isu kurang rumit dan berfungsi secara eksklusif melalui pertanyaan bertulis dan jawapan bertulis. Sekiranya isu lebih rumit dihantar melalui DIALOG, isu tersebut dirujuk kepada Ombudsman.
- Oleh kerana Ombudsman/DIALOG adalah saluran sulit, Ombudsman/DIALOG tidak menerima notis, bagi pihak syarikat, berkaitan sebarang tuntutan atau perkara.

BAGAIMANA OMBUDSMAN/DIALOG BERFUNGSI

- Penyelaras Ombudsman dan DIALOG bekerja untuk Ibu Pejabat UTC.
- Hanya Penyelaras Ombudsman dan DIALOG mengetahui identiti individu yang menghantar pertanyaan Ombudsman/DIALOG, dan pertanyaan Ombudsman/DIALOG boleh dihantar tanpa nama.
- Masa respons bagi DIALOG biasanya 14 hari atau kurang (tidak termasuk pengendalian pos bagi DIALOG kertas). Oleh kerana Ombudsman menguruskan pertanyaan yang lebih rumit, masa respons biasanya melebihi 14 hari.

BAGAIMANA OMBUDSMAN/DIALOG MEMBANTU

- Ombudsman/DIALOG memudahkan anda bertanya soalan, menyuarakan kemusykilan, mencadangkan perubahan, melaporkan masalah, atau memuji seseorang atau sesuatu.
- Ombudsman/DIALOG distrukturkan supaya menjadi saluran komunikasi selamat untuk mengemukakan isu. Para Ombudsman adalah pengantara terlatih.
- Dengan mengemukakan isu, penambahbaikan boleh dilaksanakan dalam perniagaan.
- Sepanjang lima tahun lepas, kira-kira satu setengah pertanyaan yang memohon perubahan menghasilkan perubahan. Ombudsman/DIALOG menambah baik UTC.

SOALAN LAZIM


S. Bagaimanakah saya menghubungi Ombudsman?

A. UTC Ombudsman boleh dihubungi tol bebas di 800.871.9065.

Sekiranya membuat panggilan di luar A.S., bebas tol, gunakan Kod Akses AT&T Direct@ yang sesuai, yang ditemui di www.business.att.com/bt/access.jsp

S. Apakah langkah-langkah penggunaan DIALOG?

J. Tulis DIALOG kertas, menggunakan borang di dalam kotak DIALOG atau muat turunnya dari www.utc.com. Poskan borang ke DIALOG, UTC, Hartford CT 06101. Kaedah alternatif adalah menggunakan eDIALOG, melalui laman internet selamat, yang dihos di luar tapak oleh kontraktor bebas UTC, di <https://edialog.confidential.utc.com>



S. Bagaimanakah kerahsiaan eDIALOG dijaga?

J. eDIALOG adalah sistem berasaskan web yang selamat dan disulitkan, yang dihoskan di luar tapak oleh kontraktor bebas UTC. Sistem ini menggunakan sistem kata laluan yang dikawal secara eksklusif oleh individu yang mengemukakan isu. Semasa menulis eDIALOG, penulis mencipta pengenalan pasti peribadi (gabungan alfa dan angka) dan kod penjejakan (gabungan alfa dan angka). Penulis mendapatkan respons pengurusan dengan menggunakan pengenalan pasti dan kod penjejakan yang dicipta sendiri. Tiada mekanisme penjejakan lain.

S. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

J. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang Program UTC Ombudsman/DIALOG, sila pergi ke laman web <http://www.corphq.utc.com/emhand/dialog> atau ke www.utc.com.